

Pembiayaan kediaman masih jadi isu utama

Kuala Lumpur: Pemaju hartanah berharap kerajaan dapat memberi perhatian berhubung usaha untuk melonggarkan syarat kelulusan pinjaman bank kepada bakal pembeli rumah khususnya rumah pertama pada pembentangan Bajet 2019 pada November depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Mah Sing Group Bhd (Mah Sing) Datuk Ho Hon Sang berkata, pembiayaan masih menjadi isu utama yang perlu diselesaikan oleh pihak kerajaan yang masih berlarutan sejak sekian lama.

Beliau berkata, kerajaan perlu bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) kerana ia adalah penting bagi rakyat terutamanya bagi mereka yang pertama kali ingin membeli rumah namun gagal ketika proses permohonan pembiayaan.

“Perkara ini masih menjadi kerisauan serta kebimbangan kepada pemaju hartanah kerana ia membabitkan pelanggan kami.

“Pada masa ini, agak sukar untuk memperoleh kelulusan pembiayaan. Kami berharap kerajaan dapat menyelesaikannya. Ia antara intipati utama yang diantukan pada pembentangan Bajet 2019 ini.

“Kami memang ada jangkaan yang baik terhadap perancangan kerajaan dan berharap isu pembiayaan pembelian rumah pertama akan diberi perhatian,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada Mei lalu, mengadakan perjumpaan dengan Kementerian Kewangan serta BNM bagi membincangkan masalah kesukaran untuk mendapatkan pinjaman perumahan terutama pembeli rumah pertama.

Hasil daripada perbincangan itu, satu dasar perumahan negara yang baru akan diperkenalkan oleh kerajaan pada Disember ini.

Dasar berkenaan dijangka merangkumi polisi baru pemilikan dan pembiayaan kediaman bagi mengatasi masalah pinjaman perumahan yang kini sering dihadapi orang ramai.

Hon Sang berkata, pihaknya percaya di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan, pentadbiran baru ini akan menyokong segenap aspek perkembangan bagi sektor ini kerana ia berperanan dalam meningkatkan ekonomi.

“Dengan dasar baru yang dijangka diperkenalkan ini, pelbagai jangkaan positif berupaya meningkatkan pasaran hartanah, sekali gus merangsang perkembangan dalam bidang ini,” katanya.



“Perkara ini masih menjadi kerisauan serta kebimbangan kepada pemaju hartanah kerana ia membabitkan pelanggan kami”

Ho Hon Sang